

ACV 1977

R

**KEPENTINGAN KEPIMPINAN TUN
PERAK DALAM KESULTANAN MELAYU
MELAKA**

**OLEH:
FAZLIYANA BINTI MUSTAFA**

**JABATAN SEJARAH
FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
SESI 2001/2002**

Perpustakaan Universiti Malaya



A510789543

che

**KEPENTINGAN KEPIMPINAN TUN
PERAK DALAM KESULTANAN MELAYU
MELAKA**

**OLEH:
FAZLIYANA BINTI MUSTAFA
NO:MATRIK AGE99005**

**JABATAN SEJARAH
FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
SESI 2001/2002**

**DISERTASI INI ADALAH SEBAGAI
SYARAT UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN IJAZAH SARJANA
SASTERA**

Penghargaan

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Penyayang

Segala puji-pujian kepada-Nya, selawat dan salam kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W. Syukur kepada Allah, dengan taufik dan hidayah-Nya, saya telah dapat menghasilkan kajian ini.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Profesor Dato Dr. Ramlah Adam, selaku penyelia saya yang telah banyak membantu saya dalam menghasilkan kajian ini. Tidak lupa juga kepada keluarga, Mi, Abah, Ida dan sahabat, Kak Is, Kak Ana dan Zaini, Eija serta yang teristimewa kepada Tie dan Nuar, ribuan terima kasih diucapkan kerana sentiasa memberi sokongan sepanjang saya menghasilkan kajian ini.

Fazliyana binti Mustafa

Jabatan Sejarah Universiti Malaya

Kandungan	Halaman
Penghargaan	i
Kandungan	ii
Abstrak	iii
Senarai Peta	iv
Senarai Gambar Rajah	v
Singkatan	vi
Pengenalan Kajian	vii
BAB	
1. Teori Kepimpinan Secara Umum	1
2. Empayar Melaka	24
3. Kemunculan Tun Perak Sebagai Tokoh Empayar Melaka	69
4. Pengurus Pentadbiran Dan Politik Melaka	85
5. Penjunjung Konsep Daulat dan Derhaka	107
6. Panglima Peperangan dan Perluasan Jajahan Takluk	124
7. Pendokong Empayar Melaka Sebagai Pelabuhan Antarabangsa	145
8. Pengendali Diplomatik Di Melaka	175
9. Penggerak Penyebaran Islam Di Melaka	192
10. Wasiat Tun Perak	219
Penutup	228
Lampiran	237
Bibliografi	239

ABSTRACT

This research is about the important leadership of Tun Perak in Malacca Sultanate. The objective of this research is to understand the leadership of Tun Perak in more details as 'Bendahara Paduka Raja' in Malacca Sultanate until he was known as the person who responsible for achievement of developing the empire of Malacca. The methodology that has been applied to this research is library research.

This report concised ten chapter which discussed the 'theory of leadership' and empire of Malacca in general. It also discussed Tun Perak as a Manager of administration and politic in Malacca, 'Penjunjung Konsep Daulat and Derhaka', and a warrior. Besides, he was the one who extended the divisions of the country, made empire of Malacca as an international harbour, operated the diplomatic in Malacca and also the person who responsible for spreading Islam in Malacca.

The finding from this research showed that Tun Perak, the Bendahara under four rulers was known as Paduka Raja. He was the one who responsible for making Malacca the most famous empire in the world during 15th century.

Senarai Peta	halaman
Peta 2.1 : Peta lama kerajaan Melayu Melaka	27
Peta 2.2 : Empayar Kesultanan Melayu Melaka	62
Peta 6.1: Wilayah kekuasaan Melaka akhir abad ke 15	143
Peta 7.1: Pusat Perdagangan Melayu di Timur	171
Peta 9.1: Penyebaran Agama Islam di Alam Melayu	195

Senarai Gambar Rajah dan Carta	Halaman
Gambar Rajah 2.1 : Istana Kesultanan Melayu Melaka	29
Gambar Rajah 2.2 : Raja-raja Terawal Kesultanan Melayu Melaka	31
Gambar Rajah 2.3 : Nisan Sultan Mansur Syah (1456-1477)	40
Gambar Rajah 2.4 : Nisan Sultan Alauddin Riayat Syah (1477-1488)	42
Gambar Rajah 2.5 : Halaman KitabHukum Kanun Melaka Abad Ke-15	44
Gambar Rajah 5.1 : Istana Sultan Mansur Syah	115
Gambar Rajah 7.1 : Duit Timah Zaman Sultan Muzaffar Syah	161
Gambar Rajah 7.2 : Kepingan Wang Zaman Kesultanan Melayu Melaka	162
Gambar Rajah 8.1 : Dokumen Surat Raja Ryukyu Kepada Raja Melaka	187
Carta 2.1 : Carta Pemerintah Melaka	37
Carta 2.6 : Organisasi Kerajaan Melayu Melaka	47
Carta 4.1 : Hubungan kekeluargaan antara Raja Melaka dan Bendahara	101
Carta 7.1 : Syahbandar	154

Singkatan

T. M	Tahun Masihi
S.A.W	Sallallahu alaihi wassalam
S.W.T	Subhanahu wa taala
JMBRAS	Journal of Malayan Branch Royal Asiatic Society
MBRAS	Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society

PENGENALAN KAJIAN

Pendahuluan

Kajian mengenai Kepentingan Kepimpinan Tun Perak dalam Kesultanan Melayu Melaka ini adalah sangat penting kerana beliau adalah yang bertanggungjawab mentadbir Melaka sehingga Kerajaan Melaka menjadi sebuah empayar yang termasyhur di seluruh dunia pada abad ke-15 M. Secara tidak langsung, kajian ini akan membuka ruang pengetahuan kepada masyarakat negara kita pada hari ini dan juga generasi akan datang mengenai kepentingan Tun Perak di dalam Kerajaan Melayu Melaka. Kepentingan peranan Tun Perak dalam pemerintahan Melayu Melaka meliputi aspek politik dan pentadbiran, ekonomi, keagamaan dan sosial kerajaan Melaka. Dalam kajian ini penulis membincangkan, mengkaji dan menganalisis mengenai kepentingan kepimpinan Tun Perak di dalam pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka dengan lebih terperinci.

Objektif kajian

Sehubungan dengan itu, terdapat beberapa objektif di dalam kajian ini iaitu objektif yang pertama ialah untuk melihat siapakah Bendahara Paduka Raja Tun Perak dalam Kesultanan Melayu Melaka sehingga beliau berjaya mentadbir

di bawah pemerintahan seramai empat orang sultan. Seajar dengan itu, pengkajian ini adalah untuk melihat dengan lebih terperinci siapakah beliau yang sebenar sehingga beliau dikatakan adalah pembina empayar Melaka pada abad ke-15 M.

Seterusnya, objektif yang kedua ialah untuk melahirkan aspek kajian mengenai ketokohan kesultanan Melayu iaitu Tun Perak adalah sebagai seorang tokoh pemimpin yang unggul dalam Kesultanan Melayu Melaka pada abad yang ke-15 M.

Manakala, objektif yang ketiga ialah untuk menjadikan kajian ini sebagai rujukan kepada rakyat Malaysia khasnya dan bangsa asing amnya. Iaitu pengkajian ini akan memberikan ruang pengetahuan kepada orang ramai mengenai kepentingan kepimpinan Tun Perak sebagai pembina empayar Melaka.

Objektif yang keempat pula ialah ingin mengetahui (*curiosity*) dengan lebih mendalam peranan yang dimainkan oleh Tun Perak dalam era zaman kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka.

Oleh yang demikian, objektif yang terakhir ialah untuk memberi justifikasi kepada kelahiran Tun Perak yang telah diktiraf sebagai pembina Empayar Melaka pada abad yang ke-15 M.

Kepentingan kajian

Kajian mengenai kepentingan kepimpinan Tun Perak di dalam Kesultanan Melayu Melaka ini merupakan sebuah kajian yang melihat bagaimanakah

kepentingan kepimpinan Tun Perak di dalam mentadbir Kerajaan Melaka sehingga Melaka muncul sebagai sebuah empayar. Antara kepentingan kajian ini ialah bagaimanakah kemunculan Tun Perak yang merupakan Bendahara Melaka di bawah empat orang pemerintah sebagai tokoh empayar Melaka, dan bagaimanakah Tun Perak berjaya menguruskan pentadbiran dan politik kerajaan Melayu Melaka sehinggakan Melaka berjaya muncul sebagai sebuah empayar yang tiada tandingannya pada abad yang ke -15 M.

Keputusan pengkajian ini juga untuk melihat bagaimanakah Tun Perak iaitu sebagai seorang Bendahara Melaka berjaya menjadi penjunjung kepada konsep daulat dan derhaka sehingga diikuti oleh seluruh rakyat Melaka. Bukan itu sahaja malah kepentingan kajian ini adalah untuk melihat bagaimanakah Tun Perak menjadi pemimpin yang utama sebagai pendokong Empayar Melaka sehingga Melaka berjaya muncul sebagai sebuah pelabuhan antarabangsa.

Seterusnya kepentingan kajian ini juga diadakan untuk mengkaji bagaimanakah kehebatan dan strategi ilmu peperangan dan diplomasi beliau sehinggakan Melaka berjaya meluaskan jajahan takluknya serta menjalin hubungan antarabangsa dengan begitu baik sekali. Pengkajian ini juga diadakan untuk melihat bagaimanakah Tun Perak menjadi penggerak kepada penyebaran Islam di Melaka khasnya dan nusantara amnya sehingga dikatakan Melaka sebagai negeri serambi Mekah.

Selain itu, kepentingan kajian ini juga adalah merupakan '*term of reference*' tentang Melayu serantau. Pengkajian ini secara khusus tertumpu kepada kepentingan Tun Perak di dalam kerajaan Melayu Melaka. Dari sinilah

kita dapat membuat penilaian bahawa sejauhmanakah kepimpinan Tun Perak sebagai tunggak kejayaan Melaka pada abad ke-15 M.

Kajian Terdahulu

Secara umumnya, memang terdapat beberapa hasil tulisan dan kajian yang telah dilakukan mengenai Kesultanan Melayu Melaka dan tidak dinafikan bahawa telah banyak hasil penulisan mengenai Kesultanan Melayu ini tetapi kajian mereka tidak berteraskan kepada ketokohan Tun Perak, iaitu kajian-kajian tersebut adalah mengenai aspek yang lain seperti politik, perundangan, ekonomi, dan pensejarahan budaya Melaka.

Antara hasil kajian mengenai Kesultanan Melayu Melaka ialah hasil penulisan Abu Hassan Mohd Sham, 1972, yang bertajuk '*Undang-undang Melayu Lama: Tumpuan Khas Kepada Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Yang di Bawah Pengaruhnya*' adalah membincangkan secara terperinci mengenai perundangan Kerajaan Melaka. Selain itu, hasil tulisan Mohd. Taib Osman, 1980, yang bertajuk '*Sejarah Kebudayaan Melaka Mengikut Sejarah Melayu*', adalah membincangkan mengenai aspek sejarah kebudayaan Melaka berdasarkan Sejarah Melayu. Manakala, hasil penulisan Muhammad Yusoff Hashim, 1983, pula yang bertajuk '*Masyarakat Melaka Zaman Kesultanan dan Sifat Kosmopolitannya*' membincangkan dengan terperinci mengenai masyarakat Melaka dan hasil penulisan Muhd. Yusof Ibrahim, 1976, '*Melaka 1400-1511: Beberapa Aspek Sejarah Kemasyarakatan*' memfokuskan perbincangan mengenai aspek sejarah

kemasyarakatan. Seterusnya, hasil kajian Muhammad Yusoff Hashim, 1990, yang bertajuk *Kesultanan Melayu Melaka, Kajian Beberapa Aspek Tentang Melaka Pada Abad Ke-15 dan Abad Ke-16 dalam Sejarah Malaysia*, adalah lebih menumpukan perbincangan secara keseluruhan mengenai Kesultanan Melayu Melaka daripada aspek politik, ekonomi dan sosial.

Justeru itu kajian ini dirasakan penting memandangkan sepanjang yang penulis ketahui belum ada kajian yang mendalam mengenai kepentingan kepimpinan Tun Perak yang ditinjau daripada aspek ketokohan. Beberapa hasil tulisan para sarjana yang ada lebih merupakan kertas kerja atau makalah. Contoh yang sesuai ialah hasil tulisan Profesor Dato Dr. Muhammad Yusoff Hashim yang berjudul '*Tun Perak Dalam Sejarah Dan Dinamisme Ketamadunan Bangsa*' iaitu telah membincangkan secara ringkas mengenai Tun Perak daripada aspek ketamadunan bangsa yang menjadi tunggak kepada Empayar Melaka pada abad ke-15 M. Kemungkinan besar pengarang berkenaan tidak mempunyai ruang yang cukup untuk membincangkan kepentingan Tun Perak di dalam kerajaan Melaka dengan lebih mendalam. Walau bagaimanapun hasil penulisan sarjana-sarjana di atas tetap berguna sebagai sumber bantuan untuk penulisan kajian ini. Dengan tercapainya matlamat kajian ini, adalah diharapkan ia dapat menambahkan bilangan sumber sejarah ketokohan Melayu yang mungkin boleh digunakan oleh ahli Sejarah, Antropologi dan Sosiologi serta Sejarawan yang ingin mengkaji tokoh Melayu, khususnya dalam zaman Kesultanan Melayu Melaka, atau setidaknya ia dapat dijadikan bahan tambahan apabila membicarakan mengenai Tun Perak di dalam Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15 M.

Kaedah Penyelidikan

Bagi menjalankan sesuatu kajian, pemilihan kaedah penyelidikan adalah sangat penting dalam usaha untuk mendapatkan maklumat yang tepat. Penulis telah menggunakan kaedah penyelidikan di perpustakaan. Penulis telah membuat penyelidikan di perpustakaan bagi mendapatkan maklumat mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan tajuk kajian. Maklumat tersebut merupakan data yang diperolehi dari Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Zaaba, Perpustakaan Negara dan juga dari Arkib Negara. Penulis membuat rujukan khusus kepada *Sejarah Melayu* yang dianggap sebagai *masterpiece* karya historiografi Melayu tradisional dan juga karya-karya yang lain. Kajian-kajian akademik yang berteraskan sumber-sumber luar dalam bahasa-bahasa lain juga telah digunakan oleh penulis untuk memahami, menggarap serta membina ketokohan Tun Perak. Diharap tulisan ini dapat memberi satu perspektif yang lebih jelas tentang peranan Tun Perak sebagai seorang tokoh penting sejarah politik dan kesultanan Melayu di Malaysia.

Sinopsis

Dalam bab satu penulis telah membincangkan mengenai teori kepimpinan secara umum. Sebelum penulis mengupas lebih lanjut mengenai teori kepimpinan, penulis telah membincangkan mengenai definisi kepimpinan. Kemudian, terdapat

tiga teori yang telah dibincangkan iaitu teori kepimpinan Islam, Melayu dan juga barat. Setiap pandangan yang diberikan oleh teori kepimpinan Islam, Melayu dan Barat mengenai ciri-ciri kepimpinan yang baik adalah mempunyai banyak persamaan iaitu seorang pemimpin haruslah mempunyai ciri-ciri seperti, keperibadian dan perwatakan yang baik dan mulia, sikap keberanian dan ketegasan serta kebijaksanaan yang terserlah, berpandangan jauh, berpengetahuan luas dalam pelbagai bidang dan keadilan dalam pemerintahan serta berjaya menjadikan zamannya zaman yang teragung dan akan dihargai dan disanjung oleh generasi akan datang.

Seterusnya di dalam bab yang kedua penulis telah membincangkan secara ringkas mengenai keseluruhan empayar Melaka. Iaitu bermula dengan peringkat awal kelahiran Melaka, perkembangan Melaka daripada aspek politik, ekonomi dan sosial, pemerintah Melaka, kejayaan-kejayaan yang telah dicapai sehingga berjaya menjadi sebuah empayar yang termasyhur di dunia pada abad ke-15 M dan akhirnya penulis juga membincangkan bagaimanakah kejatuhan empayar Melaka.

Berikutnya, dalam bab yang ketiga pula penulis telah membincangkan bagaimanakah Kemunculan Tun Perak Sebagai Tokoh Empayar Melaka iaitu mengenai asal-usul Tun Perak dan keturunannya serta bagaimanakah beliau dilantik menjawat jawatan Bentara, Perdana Menteri dan akhirnya menjawat jawatan Bendahara dengan gelaran Paduka Raja di dalam kerajaan Melaka.

Selanjutnya, dalam bab empat pula penulis telah membincangkan mengenai Tun Perak sebagai seorang Pengurus Pentadbiran dan Politik Melaka iaitu yang merangkumi bidangkuasa Tun Perak sebagai seorang Bendahara Melaka. Dibincangkan juga keistimewaan yang ada dalam diri beliau sebagai seorang pengurus pentadbiran politik Melaka.

Lantaran itu, untuk mengukuhkan lagi perbincangan ini, penulis telah membincangkan mengenai Tun Perak sebagai seorang penjunjung konsep daulat dan derhaka di dalam bab yang kelima. Perbincangan ini membuktikan kepada kita bahawa Tun Perak juga adalah merupakan penjunjung konsep daulat dan derhaka yang begitu taat. Keperibadian yang ada dalam diri Tun Perak adalah lambang penjunjung konsep daulat dan derhaka.

Justeru itu, dalam bab yang keenam penulis telah membincangkan mengenai kehandalan Tun Perak sebagai seorang Panglima Peperangan dan Perluasan Jajahan Takluk. Kesimpulannya ialah Tun Perak sememangnya seorang panglima yang handal dalam peperangan dan penaklukkan wilayah jajahan. Winstedt telah menyifatkan Tun Perak adalah sebagai seorang yang bertanggungjawab terhadap dasar imperialis Melaka ke atas Tanah Melayu dan Sumatera selama lebih daripada tiga pemerintah. Tun Perak telah memberi dan menunjukkan kepimpinan serta teladan yang baik. Dengan penguasaan seluruh Semenanjung Malaysia, pantai timur Sumatera hingga ke selatan Riau-Lingga-Tunggal dan pengawalan seluruh jalan dan laluan perairan dan perdagangan Selat Melaka, menyebabkan dalam era Tun Perak Melaka menjadi sebuah empayar zaman keemasan.

Manakala, dalam bab yang ketujuh penulis membincangkan mengenai Tun Perak sebagai seorang Pendokong Empayar Melaka Sebagai Pelabuhan Antarabangsa. Ini adalah kerana perdagangan merupakan tunggak ekonomi negeri Melaka. Pelabuhan Melaka menjadi tumpuan para pedagang di seluruh dunia. Tun Perak sentiasa menggalakkan perhubungan antarabangsa dengan negara-negara lain. Galakkan perhubungan ini akan menarik para pedagang datang berdagang di Melaka. Justeru itu, beliau telah berjaya memainkan peranan secara langsung dan tidak langsung untuk melicinkan lagi urusan perdagangan di pelabuhan Melaka.

Di dalam bab yang kelapan pula, penulis membincangkan Tun Perak sebagai seorang Pengendali Diplomatik di Melaka. Kemandalan diplomasi yang dimiliki oleh beliau telah membawa Melaka menjalinkan hubungan dengan negara-negara di seluruh dunia. Berdasarkan kepada perbincangan ini Tun Perak adalah merupakan seorang diplomat yang berwibawa di dalam Kesultanan Melayu Melaka. Beliau amat pintar mengatur rancangan dalam menjalinkan hubungan diplomatik. Ini dapat dilihat apabila setiap negara yang ada hubungan dengan Melaka mempunyai sebab-sebab tertentu seperti hubungan dengan China dan juga Siam serta Pasai. Hubungan diplomatik dengan negara-negara luar yang telah disyorkan oleh Tun Perak ini ialah merupakan satu dasar luar dan diplomasi Melaka yang baik lagi berkesan. Kerajaan Melayu Melaka telah berjaya mengimbangi kekuatan Siam dengan menggunakan kuasa China.

Penulis telah membincangkan Tun Perak sebagai seorang Penggerak Penyebaran Islam di Melaka di dalam bab yang kesembilan. Ini adalah kerana Melaka telah menjadi pusat penyebaran Islam di rantau ini. Kesimpulannya, Tun Perak yang memegang jawatan Bendahara dalam Kerajaan Melaka adalah merupakan orang yang bertanggungjawab menjadi tunggak penyebaran Islam di Asia Tenggara. Di atas kebijaksanaan beliau Melaka merupakan benteng Islam yang perkasa pada abad ke-15 M dan yang menyebarkan Islam dengan kekuatan semangat dan kesungguhan di seluruh kawasan kepulauan Melayu.

Akhirnya di dalam bab yang kesepuluh penulis telah membincangkan mengenai amanat Tun Perak. Iaitu sebelum meninggal dunia Tun Perak telah meninggalkan wasiat yang amat penting kepada anak cucunya. Wasiat yang ditinggalkan oleh beliau adalah merupakan kata-kata sakti atau pesanan yang terakhir oleh seorang tokoh pemimpin yang gagal diwarisi oleh anak Melayu. Wasiat Tun Perak yang amat penting ialah mengenai pegangan agama iaitu jangan sesekali kita menukarkan agama Islam dengan agama yang lain. Kata-kata sakti Tun Perak ini adalah merupakan pengiktibaran kepada seluruh anak Melayu.

Kesimpulan keseluruhan kajian ini adalah di dalam bahagian penutup. Bahagian ini membincangkan hasil kajian mengenai tajuk ini iaitu telah terbukti bahawa dengan ketokohan dan keunggulan Tun Perak sebagai Bendahara Paduka Raja Kesultanan Melayu Melaka, telah membuktikan kepada kita bahawa Tun Perak merupakan seorang Pengurus Pentadbiran dan Politik Melaka, Penjunjung Konsep daulat dan derhaka, Panglima Peperangan dan Perluasan Jajahan Takluk, Pendokong Empayar Melaka Sebagai Pelabuhan Antarabangsa dan Pengendali

Diplomatik di Melaka serta Penggerak Penyebaran Islam di Melaka. Sebelum meninggal dunia beliau juga telah meninggalkan wasiat yang telah dianggap sebagai kata-kata sakti Tun Perak. Justeru itu, telah terbukti kepada kita bahawa kerana kepentingan kepimpinan Tun Perak yang menjadikan Melaka sebuah empayar yang termasyhur pada abad yang ke-15 M.